

Pendakwa Syarie: Peranan dan Professionalisme

Disampaikan oleh
AWANG ARMADAJAYA BIN
AWANG MAHMUD

TUGAS DAN PERANAN PEGAWAI PENDAKWA

Kandungan :

1. Sistem di Malaysia
2. Kuasa untuk menjalankan pendakwaan
3. Objektif pendakwaan
4. Tugas pegawai pendakwa
5. Ciri-ciri pegawai pendakwa
6. Beban bukti
7. Anggapan Ketakbersalahuan
8. Advocacy yang tinggi

1. SISTEM DI MALAYSIA

- Berasaskan kepada adversarial system, bukan inquisitorial system
- Apakah yang dipanggil dalam konsep Islam?
- Mengandungi 3 komponen :
 - a) hakim
 - b) pendakwa
 - c) pembela (OKT)

2. KUASA UNTUK MENJALANKAN PENDAKWAAN

- Perkara 145 (3) Perlembagaan Malaysia

‘Peguam Negara adalah mempunyai kuasa, dan kuasa itu hendaklah dijalankan menurut budi bicaranya, bagi membawa, menjalankan atau memberbentikan apa-apa perbicaraan mengenai sesuatu kesalahan, lain daripada perbicaraan di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Bumiputra atau Mahkamah Tentera.’

- S. 181 Akta Tatacara Jenayah Syariah (W.P.)1997
ATJS

“Ketua Pendakwa Syariah mempunyai kawalan dan arahan dalam semua pendakwaan jenayah dan prosiding di bawah Akta ini.”

- s.182
‘Dalam mana-mana rayuan Ketua Pendakwa Syariah hendaklah hadir sendiri atau diwakili oleh Pendakwa Syariah’.

S. 183

- Pendakwaan dihadapan Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dikendalikan oleh Ketua Pendakwa Syariah atau Pendakwa Syariah
- Pendakwaan dihadapan Mahkamah Rendah Syariah boleh di kelolakan oleh:
 - Ketua Pendakwa Syariah atau Pendakwa Syariah;
 - Pegawai Penguatkuasa Agama yang diberi kuasa secara bertulis oleh Jetua Pendakwa Syariah; atau
 - Pengadu sendiri apabila di benarkan oleh Mahkamah.

S.184

Pendakwaan oleh Peguam Syarie yang dilantik oleh Ketua Pendakwa Syariah dengan kebenaran Majlis.

3. OBJEKTIF PENDAKWAAN

1. Menegakkan keadilan setiap masa
2. Menjaga kepentingan awam
3. Melindungi hak asasi manusia
4. Memberi keadilan kepada yang teraniaya
5. Mematuhi dasar/polisi
6. Memastikan samada OKT bersalah atau tidak mengikut lunas undang-undang
7. Memastikan hukuman setimpal mengikut undang-undang

4. TUGAS PEGAWAI PENDAKWA

1. Mengetahui fakta kes sepenuhnya
2. Mengetahui peruntukkan undang-undang yang berkaitan dengan fakta kes
3. Dapat mengaitkan fakta kes dengan undang-undang yang berkaitan
4. Menyediakan pertuduhan berdasarkan kepada fakta kes dan undang-undang yang berkaitan
5. Menulis minit, ulasan dan cadangan dalam Kertas Siasatan dengan jelas, tepat dan terperinci
6. Sedia kes secara rapi
7. Peka kepada otoriti undang-undang yang ulung dan terkini
8. Berbincang dengan PUU atau Ketua Pendakwa Syariah jika terdapat sebarang kemusykilan

5. CIRI-CIRI PEGAWAI PENDAKWA

1. Reputasi baik dan adil
2. Jangan sembunyikan kelemahan kes
3. Hormat mahkamah
4. Persediaan sempurna
5. Terima/hormat keputusan mahkamah
6. Keterangan ikut turutan, ringkas dan bernes
7. Sikap menegakkan Keadilan

6. BEBAN BUKTI

Pendakwaan

- Melampaui keraguan munasabah (beyond reasonable doubt)
- Perlu buktikan kesalahan OKT

Pembelaan

- Menimbulkan keraguan munasabah (cast a reasonable doubt)
- Tidak perlu buktikan apa-apa

7. ANGGAPAN KETAKBERSALAHAN

- Anggaplah seseorang itu tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah

8. ADVOCACY YANG TINGGI

1. Persediaan yang rapi
2. Integriti
3. Hormat kepada semua
4. Reputasi yang baik

9. PERSEDIAAN SEBELUM PERBICARAAN

- Hendaklah menerima kertas siasatan awal sebelum bicara
- Pendakwa hendaklah membaca, mengkaji dan menghayati kandungan kertas siasatan

Kandungan kertas siasatan :

Mukasurat 1, 2, 3 dan 4

Folio A : Laporan polis (Pol 55)

Folio A1 - A... : Percakapan saksi

Folio B1 - B... : Percakapan OKT

Folio C1 : Diari Siasatan IO

Folio D1 - D... : Dokumen

Kertas minit

Contoh :

- Kertas minit

- A

- AA

- AAA

- A1

- A2

- A3

- B1

- B2

- B3

- C1

- C2

- C3

- D1

- D2

- D3

Persediaan Sebelum Perbicaraan (Tahap Pertama)

1. Meneliti minit Ketua Peguam Syariah/PUU
2. Mengkaji semula pertuduhan
 - Samada OKT dituduh dengan kesalahan yang betul
 - Samada pertuduhan berdasarkan kepada fakta dalam kertas siasatan
3. Samada pertuduhan dirangka dengan betul
 - Pertuduhan hendaklah dirangka seboleh-bolehnya mengikut perkataan/ayat di dalam peruntukkan kesalahan itu

4. Samada siasatan telah dilengkapkan
 - Samada percakapan lanjut perlu dirakam terhadap saksi
 - Samada terdapat saksi yang belum dirakam percakapannya
 - Samada semua barang kes telah dibungkus dan ditanda dengan
 - No. report polis
 - Tarikh serbuan/rampasan
 - Tandatangan ringkas (initial)
 - Samada dokumen berkaitan ‘available’
 - Samada diari siasatan telah dikemaskini

5. Samada laporan perubatan/kimia telah diserahkan kepada OKT mengikut s. 399 KPJ
 - 10 hari sebelum tarikh bicara [Tidak ada prusedur bawah ATJS(W.P.) 1997
 6. Samada permohonan untuk sapina saksi telah dibuat
-
- Jika kertas siasatan tidak lengkap, arahkan IO secara bertulis untuk mengambil tindakan
 - Tetapkan tempoh masa bagi IO kembalikan kertas siasatan

Contoh :

Pegawai Penyiasat,

1. Kertas siasatan diedarkan.
2. Kes ditetapkan untuk bicara pada 1.6.2005.
3. Sila arahkan IO untuk mengambil tindakan seperti berikut :
 - Rakam percakapan lanjut A1 dan tanya mengenai tarikh dan masa kejadian dengan lebih spesifik. Juga tanya mengenai keadaan cahaya di dalam bilik dan di luar bilik.
 - Rakam percakapan jiran A1.
 - Serahkan sesalinan laporan perubatan A1 kepada B1, 10 hari sebelum tarikh bicara.

- Sediakan 3 salinan CTC FIR, laporan perubatan, rajah kasar dan gambar tempat kejadian.
 - Kemaskini Diari Siasatan.
 - Sapina saksi-saksi.
4. IO hendaklah mengembalikan kertas siasatan ini kepada saya sebelum atau pada 15.5.2005 tanpa gagal.

Terima kasih.

t.t.

Azman bin Hashim
KPS
Kuala Lumpur

23 April 2005

AlFazil Hakim
Mahkamah Rendah Syariah
Kuala Lumpur

Tuan,

KES TANGKAP/SAMAN NO : 83-232-2002

KPS IwnALI B. BAKAR

SEKSYEN 15 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (W.P.)1997

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa kes yang tersebut di atas telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 1.6.2005.
3. Sukacita sekiranya pihak tuan dapat mengeluarkan sapina terhadap sakis-saksi seperti berikut :

Nama

Alamat

Persediaan Sebelum Perbicaraan (Tahap Kedua)

1. Kenalpasti elemen pertuduhan
2. Kenalpasti saksi-saksi yang perlu dipanggil untuk membuktikan elemen pertuduhan
3. Kenalpasti ekshhibit yang hendak dimasukkan sebagai keterangan di mahkamah
 - FIR, senarai bongkar, sijil serah-menyerah, rajah kasar tempat kejadian, gambar barang kes dan tempat kejadian, laporan perubatan/DNA, carian ROB/ROC dan lain-lain dokumen yang berkaitan
 - Sediakan 3 salinan
 - laporan Polis hendaklah di CTC oleh KPD untuk di terima sebagai bukti (S.62 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (W.P.) 1997

Ringkasan Kes Nama Tertuduh:

| Bil. | Nama Saksi | Keterangan | Ekshibit | Catitan |
|------|------------|------------|----------|---------|
| 1 | | | | |
| 2 | | | | |

4. Catatkan kekuatan dan kelemahan kes
5. Sediakan fakta kes
6. Sediakan sabitan lampau (jika ada)
7. Membuat soalan
8. Membaca undang-undang berkaitan dan otoriti undang-undang

2. HARI PERBICARAAN

- Pastikan membawa kertas siasatan, undang-undang berkaitan, Kanun Prosedur Jenayah, Akta Keterangan, otoriti undang-undang dan buku catatan
- Pastikan membawa surat kuasa untuk menjalankan pendakwaan : S 183 (2) (b).ATJS (W.P.)1997
- Pastikan membawa sanksi – S. 73ATJS(W.P.)1997
- Pastikan membawa kertas pertuduhan

- Pastikan mahkamah mana
- Pastikan kehadiran saksi
- Pastikan IO membawa barang kes
- Pastikan OKT hadir
- Interview saksi jika sempat

3. SEMASA PERBICARAAN

- Jawab bantahan awal
 - Tiada surat kuasa
 - Tiada sanksi
 - Pertuduhan cacat
 - Mahkamah tiada bidangkuasa tempatan/bicara
 - Hakim/Pendakwa Syariemempunyai
kepentingan dalam kes

- Pemeriksaan saksi
 - Panggil saksi ikut susunan.
 - Bermula dengan saksi penting seperti pengadu dan berakhir dengan saksi penting juga seperti IO.
 - Tidak perlu panggil semua saksi.
 - Kemukakan keterangan yang relevan
 - Ekshhibit hendaklah dikemukakan pada masa ini.
 - Pastikan ekshhibit ditandakan sebagai P.
- Selepas tutup kes, tawarkan saksi yang tidak dipanggil memberi keterangan kepada OKT :
- Selepas keputusan kes iaitu samada OKT disabitkan atau dibebaskan, minta arahan dari mahkamah mengenai pelupusan barang kes

4. SELEPAS PERBICARAAN

1. Tulis keputusan kes di m.s 4 Kertas Siasatan
2. Minit kepada Ketua Pendakwa Syariah mengenai keputusan kes. Jika OKT dibebaskan, nyatakan alasan-alasan mahkamah (jika ada). Cadangkan samada kes perlu dirayu atau tidak
3. Kemaskini Kertas Siasatan. Masukkan semua ekshhibit dan hujahan
4. Hantar Kertas Siasatan kepada Ketua Pendakwa Syariah dalam masa 14 hari tarikh keputusan

Sekian, Terima kasih

